

10 AUG 1999

PEKEBUN KECIL MAHU WAKIL DALAM MAPEN

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia mahu wakil mereka diundang menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen 2) supaya berpeluang mengemukakan idea membantu kerajaan dalam dasar baru terhadap pekebun kecil pada masa depan.

Yang Dipertuanya Datuk Haji Ahmad Arshad berkata kerajaan sepatutnya tidak membelakangkan persatuan itu kerana ia mewakili hampir 700,000 keluarga pekebun kecil di seluruh negara.

"Daripada keseluruhan 1.5 juta hektar kawasan tanaman getah, cuma 300,00 hektar saja dimiliki syarikat manakala 1.2 juta hektar adalah milik pekebun kecil," katanya kepada Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Pembentukan Mapen 2 yang dianggotai 155 orang wakil pelbagai sektor dan badan diumumkan minggu lepas oleh Perdana Menteri Menteri DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia akan membantu kerajaan merangka masa depan ekonomi negara.

--BERNAMA

SFI MAI